

Pelajar yakin USIM terus maju

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada Naib Canselor baru Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Dr Asma Ismail.

MPP USIM sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan beliau demi merealisasikan misi menjadikan USIM sebuah institusi ilmu yang terkehadapan dan berteraskan pengajian Islam.

Dengan mengambil kira latar belakang beliau sebelum ini sebagai Timbalan Naib Canselor (Inovasi dan Penyelidikan), kami yakin USIM mampu melonjak lebih jauh dalam arus perdana sains dan teknologi berteraskan pengajian Islam di bawah kepimpinan Dr Asma.

Hubungan antara Islam dengan sains dan teknologi tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya faktor penting kepada pembinaan tamadun manusia. Sains dan teknologi membawa kemajuan, kemudahan dan keselesaan manakala Islam pula memimpin manusia ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Mohamad Razif Mohamad Fuad,
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar,
Universiti Sains Islam Malaysia.